

Tanggungjawab hafaz  
al-Quran tiada penghujung



**Oleh Dr Mohamed  
Rashid Ab Razak al-Hafiz**

Ramai dalam kalangan ibu bapa di negara ini menyedari kepentingan pendidikan al-Quran hingga semangat menghantar anak-anak mereka ke pusat tahfiz kerana membayangkan kelebihan memiliki anak yang hafiz al-Quran.

Sayidatina Aishah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Orang yang mahir membaca al-Quran, akan bersama dengan malaikat safarah (pembawa wahyu) yang mulia dan taat/berbuat kebajikan.

Sedangkan seorang yang membaca al-Quran dalam keadaan tergagap-gagap (yakni tidak lancar) yang ia menghadapi kesukaran dan kepayahan ketika membacanya, maka dia akan memperoleh dua ganjaran." (Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Ibnu Majah)

Tidak hairanlah institusi tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan, malah sebahagian pengu-saha bidang pendidikan itu turut memasukkan elemen 'pelaris' subjek tahfiz dalam produk pendidikan disebabkannya minat itu.

Bagaimanapun di sebalik kecenderungan ramai terhadap tahfiz al-Quran, ada baiknya mereka yang ingin menjadi penghafaz al-Quran mengambil iktibar terhadap tanggungjawab besar menanti.

Rasulullah SAW bersabda: "Celakalah bagi sesiapa yang berkata: "Aku lupa ayat al-Quran sekian-sekian," sebaliknya hendaklah dia berkata "Aku dilupakan daripadanya." Sentiasalah membaca dan mengingati al-Quran, kerana ia lebih mudah terlepas dari-

pada daripada dada dan ingatan manusia daripada unta terlepas talinya." (HR Bukhari dan Muslim)

**Kekalkan hafazan**

Oleh itu, setiap penghafaz al-Quran perlu sentiasa berusaha mengekalkan hafazan mereka selagi hayat dikandung badan walaupun sudah masuk ke alam pekerjaan atau melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

Penulis berpandangan usaha memartabatkan hafazan al-Quran perlu dipergiatkan termasuk ibu bapa, sekolah, alumni tahfiz dan kerajaan.

Pada masa sama, golongan ibu bapa juga perlu memastikan pemili-

han sekolah tahfiz betul-betul sesuai untuk anak mereka, sekali gus institusi pilihan itu perlu dipastikan mempunyai rekod pengurusan baik.

Bagi pihak sekolah yang menyediakan pendidikan tahfiz pula, mereka perlu memastikan sukat-tan pelajaran tepat untuk pelajar, manakala guru pula perlu ditetapkan untuk mempunyai kelayakan diperlukan dan berpengalaman.

Almuni lepasan tahfiz yang meningkat saban tahun juga boleh mengambil inisiatif untuk membantu sekolah tahfiz mereka dengan bantuan kewangan, motivasi pelajar dan perkongsian laluan pelajar tahfiz ke alam pekerjaan atau pendidikan tinggi.

Dalam konteks kerajaan pula, program hafazan al-Quran sedia ada perlu diperkasakan dengan mengetatkan syarat penubuhan institusi tahfiz dengan kriteria khusus bagi menjamin kualiti huffaz yang akan dihasilkan. Ini juga dapat mengelakkan eksploitasi 'tahfiz' sebagai sumber keuntungan pihak berkepentingan.

Wajar juga difikirkan untuk kerajaan menubuhkan badan profesional memantau keberhasilan pelajar lepasan tahfiz dan memberi pengiktirafan kepada huffaz dengan memperkenalkan ujian tahunan wajib bagi menguji hafazan mereka sebelum dibenarkan untuk meneruskan profesion sebagai guru tahfiz seperti dilakukan terhadap graduan dalam bidang kedoktoran, kejuruteraan dan guaman.

Selain itu, program isbat hafazan al-Quran perlu disemarakkan lagi dengan pemberian sugu hati kepada huffaz yang lulus ujian diambil seperti dilakukan Johor, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Hasil pengalaman penulis, program seumpama ini dapat menyuntik motivasi mengulang secara konsisten walaupun dihimpit pelbagai kesibukan.

Hakikatnya, mengekalkan hafazan al-Quran adalah tanggungjawab tiada penghujungnya, sekali gus memerlukan pengorbanan masa dan tenaga daripada penghafaz itu sendiri.

Ingatlah pesanan Rasulullah SAW berkaitan al-Quran menerusi sabdanya: "Sungguh dengan sebab kitab (al-Quran) ini, Allah akan mengangkat sekelompok kaum dan dengannya pula Dia akan merendahkan sekelompok kaum lain." (HR Muslim)

